

Muzium Negeri Terengganu

S-H 30/12/07 MIS 35

MUZIAM Negeri Terengganu ditubuhkan pada tahun 1976.

Dari segi rentetan sejarahnya, hasrat dan cita-cita untuk menubuhkan Muzium Negeri ini tercetus sejak awal tahun 1920-an lagi natijah daripada peristiwa perjumpaan Batu Bersurat Terengganu di Kampung Buloh, Hulu Terengganu oleh Syed Hussein Ghulam Al Bukhari pada ta-

hun 1902.

Peristiwa penemuan Batu Bersurat yang bersejarah ini telah melahirkan rasa kegembiraan dan rasa kesyukuran seluruh rakyat Terengganu pada waktu itu.

Namun, masalah timbul kerana ketiadaan tempat untuk menyimpan batu bersejarah ini. Keadaan ini telah mencabar dan menyedarkan pimpinan negeri itu betapa pentingnya negeri ini mempunyai muzium sendiri.

Kini, Muzium Negeri menjadi salah sebuah destinasi menarik yang sentiasa mendapat tempat di hati pengunjung tempatan mahupun pelancong asing.

Muzium Terengganu dirasmikan pada 20 April 1996 bersamaan 2 Zulhijjah 1416 oleh Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafibilillah Shah.

Meliputi kawasan seluas 27 hektar, kompleks itu mempunyai keluasan lantai keseluruhan berjumlah 75,075 meter persegi.

Terdiri dari empat blok bangunan Muzium Utama, kompleks ini juga mempunyai Muzium Maritim, lima rumah tradisional serta kawasan lanskap.



Kini, Muzium Negeri menjadi salah sebuah destinasi menarik yang sentiasa mendapat tempat di hati pengunjung tempatan mahupun pelancong asing.

